

PENCAPAIAN MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU

BUKAN KEKANGAN

ACAP kali keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diumumkan, pencapaian subjek Bahasa Melayu menjadi penanda aras keputusan sekolah, terutamanya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil (SJKC) dan (SJKT).

HAL ini dikatakan demikian kerana pencapaian murid dalam mata pelajaran ini masih belum mencapai sasaran yang diimpikan oleh kebanyakan sekolah.

Menurut Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah Tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa keberhasilan utama pendidikan Malaysia dilihat daripada dua perspektif penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan dan bukan lagi difokuskan kepada Gred Purata yang dijana daripada keputusan UPSR. Kualiti murid dilihat dari segi pencapaian akademik dengan tahap penguasaan minimum dalam UPSR. Mulai tahun 2017, KPM mengambil pendekatan berbeza dalam melaporkan kejayaan murid yang telah melalui persekolahan peringkat rendah selama enam tahun.

Pelaporan kejayaan murid sekolah rendah yang lebih menyeluruh dan bermakna, tidak lagi hanya berfokus kepada keputusan UPSR, malah melaporkan secara formal tentang profil murid dari segi kecerdasan semula jadi dan aptitud, tahap penguasaan dalam mata pelajaran di sekolah, serta kecergasan, tahap kesihatan dan penglibatan dalam aktiviti luar bilik darjah.

Aspek kejayaan murid ini diperlihatkan melalui laporan yang lebih menyeluruh dinamakan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah. Dalam laporan itu juga, 68.13 peratus murid yang menduduki UPSR pada tahun 2018 mencapai penguasaan minimum berbanding dengan tahun 2017 yang hanya mencatatkan 67.40 peratus. Hal ini membuktikan bahawa masih lebih daripada 30 peratus calon UPSR atau murid yang berusia 12 tahun belum mencapai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran. Bagaimanakah pula dengan subjek Bahasa Melayu SJK?

Pelaporan kejayaan
murid sekolah
rendah yang lebih
menyeluruh dan
bermakna, tidak
lagi hanya berfokus
kepada keputusan
UPSR, malah
melaporkan secara
formal tentang
profil murid dari
segi kecerdasan
semula jadi dan
aptitud, tahap
penguasaan dalam
mata pelajaran
di sekolah, serta
kecergasan, tahap
kesihatan dan
penglibatan dalam
aktiviti luar bilik
darjah.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, subjek Bahasa Melayu tahap UPSR dibahagikan kepada dua kertas, iaitu Kertas Bahasa Melayu Pemahaman (SJK) dan Kertas Bahasa Melayu Penulisan (SJK). Daripada pelaporan tahun 2018, sebanyak 17.71 peratus daripada calon SJK mencapai keputusan A dalam kertas pemahaman manakala kertas penulisan pula lebih baik, iaitu 23.36 peratus. Bagaimanakah pula dengan bilangan murid yang gagal dalam kertas pemahaman dan penulisan yang masing-masing mencapai angka 10.19 peratus dan 13.78 peratus. Hal ini bermakna murid yang berusia 12 tahun yang tidak mencapai penguasaan minimum dalam subjek Bahasa Melayu dalam UPSR masih membimbangkan. Di manakah silap dan salahnya sehingga lebih 10 peratus murid di SJK tidak mampu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu? Apakah punca yang menyebabkan senario ini berlaku di negara yang sudah mencapai kemerdekaan lebih 60 tahun?

Punca utama berlakunya keadaan yang amat mengecewakan ini ialah murid-murid di SJK kurang berminat untuk menguasai dan mendalami subjek Bahasa Melayu lantaran masalah lemah kosa kata dan kurang bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini berlaku demikian kerana kehidupan murid masih dikuasai oleh bahasa ibunda. Bilangan murid yang bertutur dalam bahasa Melayu dengan guru subjek Bahasa Melayu yang berbangsa Cina juga semakin hari semakin dapat dihitung dengan jari.

Guru berbangsa Cina dan India di SJK yang mengajarkan subjek Bahasa Melayu juga sudah terbiasa dengan budaya menuturkan bahasa Melayu dengan anak murid mereka. Mereka juga tidak segan silu menggunakan bahasa ibunda sewaktu menjelaskan makna dan kosa kata kepada murid. Sebaliknya, pemantapan kosa kata dan istilah dalam kalangan murid tidak dipersembahkan dengan cara yang lebih sesuai seperti lakonan, pertunjukan slaid dan multimedia, demikian

menurut Cikgu Fadzil Akmar, seorang guru subjek Bahasa Melayu yang berpengalaman di SJK.

Guru yang berbangsa Cina dan India juga mengambil cara mudah dengan menjelaskannya dalam bahasa ibunda agar tidak perlu melakukan lebih banyak perkara untuk menjelaskan senario dan konsep makna sesuatu kata. Hal ini menyebabkan murid selesa dengan cara yang kurang tepat. Pedagogi ini bukan sahaja memanjakan bahasa ibunda, tetapi juga menjarakkan bahasa Melayu dari hati nurani murid. Luka yang semakin parah ini digرامي pula dengan masalah murid yang tidak gemar membaca. Apabila gagal mendapat bimbingan yang sempurna, guru dari prasekolah dan tahap satu yang mencanai penggunaan bahasa ibunda menyebabkan murid terus tergelincir dari landasan pembelajaran bahasa Melayu yang sebenar.

Penulis buku teks yang tersohor, Mat Arrifin Ismail yang juga seorang guru subjek Bahasa Melayu di SJK mempunyai pandangan dari sisi murid di SJK. Beliau beranggapan bahawa murid kurang melazimkan diri dalam bahasa Melayu apabila berbual-bual dengan rakan. Hal ini berlaku demikian kerana persekitaran dalam kelompok berbangsa ibunda menyebabkan murid selesa dan biasa menuturkan bahasa ibunda.

Ada juga yang takut diketawakan

oleh kawan-kawan sebaya jika bertutur dalam bahasa Melayu. Di samping itu, pengaruh bahasa ibunda dari segi pola ayat bahasa Cina dan bahasa Melayu juga dicampuradukkan oleh murid.

Oleh sebab takut melakukan kesalahan, mereka kurang berkeyakinan diri apabila menggunakan bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, SJK yang sudah lazim dengan kerja rumah yang bertimbun-timbun menyebabkan murid hanya mahu menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru daripada menghayati dan memahami satu per satu dengan betul-betulnya. Pendekatan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang banyak menulis daripada bercakap dan mengujarkan bahasa kebangsaan juga membosankan murid untuk bertutur. Impaknya, mereka akan hilang minat dalam subjek Bahasa Melayu sekali gus membunuh hasrat kerajaan untuk mencapai cita-cita untuk melahirkan murid yang suka membaca buku dan dapat bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita.

Sebenarnya, tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Hal ini ditentukan dengan cara pertimbangan profesional guru. Guru menggunakan pengetahuan, pengalaman, input murid dan mengamalkan tanggungjawab profesional dalam membuat pertimbangan profesional. Guru juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan tentang bidang atau disiplin ilmu, pedagogi serta pentaksiran melalui pembacaan dan perbincangan secara profesional dengan rakan pendidik lain untuk meningkatkan kompetensi dalam membuat pertimbangan profesional. Namun begitu, SJK tetap menghadapi kekangan untuk memastikan muridnya mencapai penguasaan minimum kurang daripada lima peratus seperti pencapaian subjek Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK).

Penceramah termasyhur di sekolah-sekolah Cina di seluruh negara yang

juga seorang penulis buku rujukan dan buku kerja sekolah rendah yang prolifik, Richard Lee pula beranggapan bahawa bahasa Melayu yang bukan bahasa ibunda murid ini menyebabkan mereka beranggapan bahawa usaha yang lebih haruslah ditumpukan pada subjek Bahasa Cina. Ibu bapa di rumah juga lebih menekankan subjek lain seperti Sains dan Matematik yang ada nilai komersial yang lebih tinggi daripada subjek Bahasa Melayu. Apabila tertanam pemikiran bahawa subjek Bahasa Melayu tidak memainkan peranan sebagai subjek yang memberikan impak kepada kerjaya pada masa depan, murid pun hilang minat dan membuat kerja rumah secara melepaskan batuk di tangga. Impaknya, murid hilang minat akan bahasa Melayu yang kini lebih sukar dari segi sukatan pelajarannya.

Dari sisi lain, cara pengajaran guru yang membosankan, iaitu berdiri sambil membaca dan menerangkan makna kata serta petikan seterusnya menyuruh murid membuat tugas yang diberikan seperti modul peperiksaan juga mengancam penguasaan subjek Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK. Murid terpaksa menjawab satu demi satu set kertas peperiksaan manakala guru pula terpaksa menandakan satu demi satu set kertas pemahaman dan penulisan murid sehingga tugas hakiki mereka untuk menyampaikan ilmu bahasa melalui penghayatan holistik tidak mampu dicapai.

Dari segi soal, murid di SJK yang memiliki jadual kehidupan yang lebih sibuk daripada golongan dewasa terpaksa melupakan hasrat untuk menaruh minat dan kecintaan terhadap subjek Bahasa Melayu sekali gus mencapai kecemerlangan dalam subjek tersebut. Murid di SJK memulakan persekolahan mereka lebih awal dan pulang ke rumah pula lewat petang dan disambung dengan kelas tambahan atau kelas tuisyen hingga malam. Kurangnya pergaulan terutamanya dengan rakan sebaya yang bersekolah di sekolah vernakular dan kawasan





Pembelajaran bahasa Melayu perlu dipupuk sejak murid di bangku sekolah rendah lagi.

perumahan yang majoritinya kaum yang sama menyebabkan anak di SJK gagal menguasai subjek Bahasa Melayu dengan cemerlang. Masalah seterusnya berkaitan dengan minat untuk membaca buku berbahasa Melayu juga dipandang sepi oleh ibu bapa dan murid itu sendiri. Hal ini berlaku demikian kerana kurangnya bahan bacaan berbahasa Melayu di rumah juga merupakan faktor kejatuhan peratusan murid SJK yang dapat bercakap dalam bahasa Melayu.

Tambahan pula, rancangan televisyen yang menarik dalam bahasa Melayu juga semakin hari semakin kurang ditayangkan oleh stesen televisyen apabila kebanyakan rancangan yang disiarkan berbahasa Inggeris dan berbahasa ibunda. Murid lebih selesa menonton rancangan yang berbahasa ibunda serta menyanyi lagu berbahasa ibunda daripada menyanyi lagu berbahasa Melayu. Walaupun hanyalah hiburan, pendidikan bahasa terus berlaku. Murid sebenarnya dapat mempelajari sesuatu bahasa dengan menyanyikan lagu dalam bahasa tersebut.

Menurut Kho Teng Eng, terdapat pelbagai teknik untuk menjayakan PdPc dalam kelas subjek Bahasa Melayu, contohnya termasuklah penggunaan bahan bantu mengajar, unsur kecindan, lakonan, main peranan, kerusi panas, sumbang saran, aktiviti kumpulan, sesi pembentangan dan lagu. Pelbagai teknik yang disajikan ini bertujuan melonjakkan lagi kualiti pengajaran dan

pembelajaran, sekali gus menangkis rasa bosan yang mungkin bertapak dalam jiwa pelajar. Oleh itu, diharapkan prestasi pelajar akan terus memuncak dan dapat mengharumkan nama sekolah, serta mencerahkan masa hadapan pelajar.

Penggunaan lagu sebagai pengupayaan PdPc dikatakan selaras dengan saranan Dr. Howard Gardner, profesor pendidikan di Univerisiti Harvard, Amerika Syarikat, pada tahun 1983 supaya guru mencorakkan dan membina pelbagai kecerdasan kepada pelajar. Daripada lapan kecerdasan yang dicadangkan oleh Dr. Howard Gardner, satu daripadanya ialah kecerdasan muzik atau lagu. Lagu dapat berfungsi sebagai set induksi yang hebat.

Set induksi merupakan pembuka jalan yang ceria dan bermakna kepada sesuatu sesi pembelajaran. Langkah pemula ini bertujuan untuk merangsang minat pelajar dan memupuk kesediaan mental mereka untuk menerima pelajaran baharu dalam bahasa Melayu. Sebagai contohnya, lagu *Hijau* nyanyian Zainal Abidin amat sesuai untuk menarik minat pelajar terhadap isu pencemaran dan pemuliharaan alam. Kosa kata seni kata lagu yang mudah difahami ini dapat mengubah landskap PdPc serta pandangan murid terhadap subjek Bahasa Melayu yang merentas kurikulum. Oleh hal yang demikian, guru boleh memainkan lagu yang terakam dalam bentuk fail audio atau cakera padat. Pelajar perlu mendapatkan seni kata lagu terlebih dahulu daripada

Internet seperti Youtube supaya mereka dapat menyanyi lagu tersebut bersama-sama.

Jika ada pelajar yang berbakat menyanyi lagu, dia boleh diminta memimpin nyanyian selepas lagu dimainkan sebanyak dua kali kepada murid di dalam kelas. Dalam hal ini, guru boleh turut menyanyi lagu tanpa perasaan malu. Sikap malu menyanyi lagu harus diketepikan jika mahu memberikan impak kepada murid. Guru haruslah bersama-sama untuk menghidupkan suasana harmoni untuk mengeratkan lagi hubungan pelajar dan guru di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana lagu menjadi perangsang minda dan rasa. Seni kata lagu dan iramanya berupaya menyentuh hati dan mencetuskan imaginasi pelajar untuk mengenal pasti isi karangan. Sebagai contohnya, lagu Ibu nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dapat menonjolkan betapa besarnya budi seorang ibu kepada anak, supaya para pelajar sedar akan sebab mereka harus menghargai dan menyanjung jasa dan pengorbanan ibu serta memikirkan cara untuk membalas budi ibu mereka. Kata orang, syurga berada di bawah telapak kaki ibu.

Bukan itu sahaja, aktiviti atau program menggunakan bahasa Melayu setiap masa secara tidak formal juga haruslah dipergiat di SJK. Guru subjek Bahasa Melayu juga bolehlah mencadangkan murid dan menggalakkan murid SJK dalam pergaulan dengan masyarakat Melayu.

Semasa bergaul mesra, mereka akan bercakap dalam bahasa Melayu. Lama-kelamaan, murid akan memiliki kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu. Guru juga harus menunjukkan pola ayat bahasa Melayu yang berbeza daripada pola ayat bahasa Cina dengan rajah i-Think seperti carta buih berganda supaya murid mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam PdPC manakala pedagogi guru juga dapat diharmonikan dengan pelbagai teknik yang lebih segar.

Pada masa yang sama, PdPC perlulah dijalankan dalam suasana yang santai supaya murid tidak tertekan untuk menguasai bahasa Melayu. Suasana pembelajaran yang baharu dan menyeronokkan murid ini dapat membangkitkan minat mereka dalam subjek Bahasa Melayu. Lama-kelamaan, pencapaian mereka juga akan terus meningkat. Semasa menyampaikan PdPC dan menjalankan aktiviti pedagogi, guru haruslah memberikan pujian kerana keberanian murid menggunakan bahasa Melayu sekali gus memberikan semangat dan dorongan kepada mereka untuk terus berjaya menguasai subjek Bahasa Melayu. Pembentukan ilmu bahasa



Rajah 1 Pertandingan tahap penguasaan minimum antara tahun 2018 dengan tahun 2017.

dalam kalangan murid secara didik hibur ialah pedagogi alaf baharu yang paling berkesan lagi berimpak tinggi.

Menurut guru, Zul Hazmi Hamad dari SJKT Ladang Repah yang mengekalkan 100 peratus pencapaian Bahasa Melayu Pemahaman dan 100 peratus Bahasa Melayu Penulisan, di samping tujuh daripada 11 orang muridnya mendapat A dalam Bahasa Melayu Penulisan, bahawa pihak sekolah dan ibu bapa mestilah mewujudkan budaya membaca bahan berbahasa Melayu, seperti Hari Membaca Buku Bahasa Melayu, menambahkan bahan bacaan berbahasa Melayu di pusat sumber dan kedai buku, memperbanyak

bahan tampalan berbahasa Melayu di kawasan sekolah amat berkesan. Guru juga perlu kreatif dalam usaha mewujudkan suasana pembelajaran menarik, seperti unsur didik hibur, kuiz dan kecindan semasa sesi PdPC dijalankan. Pihak pentadbir sekolah pula perlu memahami pembelajaran bukan sekadar untuk mencapai sasaran dalam peperiksaan. Sementara itu, guru perlu memastikan 100 peratus penggunaan bahasa Melayu di dalam kelas semasa pedagogi berlangsung. Pada masa yang sama, guru perlu berani dan yakin akan teori pemerolehan bahasa dan mengajar dan belajar bahasa dengan sehabis daya. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu yang kita miliki sebagai guru juga harus ada pada murid yang kita ajar. Kemampuan menghafal karangan dan maksud haruslah diketepikan dalam arus pembelajaran moden supaya subjek Bahasa Melayu dilihat sebagai subjek yang menyeronokkan, bukan menyeksa jiwa murid.

Kesimpulannya, murid di SJK dapat menguasai subjek Bahasa Melayu jika langkah yang proaktif diambil oleh ibu bapa dan guru-guru. Dengan langkah yang distingtif dan berkesan ini, murid dapat menguasai bahasa Melayu dengan minat dan semangat yang tinggi kerana mereka tahu bahawa bahasa jiwa bangsa dan bahasa menunjukkan bangsa. Janganlah juga kita lupa memberitahu mereka bahawa hilang bahasa lenyaplah bangsa. **PB**

Jadual 1 Prestasi mata pelajaran 2018.

